Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

GP 001/2019

GP 001/2019

PIAWAIAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN LANDSKAP NEGERI SABAH

PENYEDIAAN KEPERLUAN LANDSKAP BAGI MINIMUM 10% KAWASAN LAPANG SEMUA JENIS PEMBANGUNAN

Disediakan Oleh :
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH NEGERI SABAH
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN SABAH



Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

© Hak cipta Terpelihara
Tidak dibenarkan mengeluar ulang atau mana-mana bahagian, artikel, illustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa kebenaran daripada penerbit.

Diterbitkan oleh;
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah,
Tingkat 3,4,dan 5, Wisma Tun Fuad Stephens,
KM.2.4, Jalan Tuaran,
88646 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

Dicetak oleh:
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah,
Km.4, Jalan Tuaran,
Beg Berkunci 2004,
88554 Kota Kinabalu, Sabah.

Cetakan Pertama Disember 2019

ISBN 978-967-17097-0-2

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP



PERUTUSAN
Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah Merangkap
Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Landskap adalah keperluan yang tidak dapat dinafikan dalam usaha bagi mewujudkan persekitaran yang hijau dan sejahtera. Ia adalah sebagai satu medium yang boleh mengurangkan kesan-kesan pencemaran seperti *urban heat island* dan *global warming* yang semakin serius pada masa kini. Sebagaimana diketahui, pembangunan fizikal yang tidak terancang dan terkawal turut mengakibatkan pelbagai isu berkaitan ketidakseimbangan alam sekitar.

Sehubungan itu, kepentingan kawasan lapang sebagai salah satu daripada infrastruktur sosial adalah perkara yang perlu diambil perhatian dalam aspek pembangunan. Pada masa yang sama, penyediaan kawasan lapang adalah amat penting bagi membangunkan kawasan hijau di samping penyediaan kemudahan rekreasi yang bermanfaat untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera dan sihat.

Justeru, Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS) ini disediakan bagi membantu pihak yang terlibat dalam merancang dan menyediakan kemudahan landskap secara teratur serta infrastruktur hijau yang seimbang bagi setiap pembangunan demi memberi manfaat positif kepada masyarakat setempat.

Oleh yang demikian, langkah positif dan proaktif perlu diambil untuk mengurus dan membentuk *trend* pembangunan yang berkesan di negeri Sabah dengan lebih berhemah dan bertanggungjawab.

Sekian.

(YB DATUK DR. HJ. JAUJAN HJ. SAMBAKONG)
Timbalan Ketua Menteri Negeri Sabah Merangkap
Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP



KATA KATA ALUAN
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Pembangunan lestari sebagai teras perancangan pembangunan hari ini dapat memastikan kesejahteraan hidup masyarakat melalui penyediaan persekitaran kehidupan yang selesa dan harmoni. Persekitaran yang ceria, indah dan bersih dengan mutu landskap yang berkualiti mampu menarik pelancong untuk berkunjung.

Persekitaran yang selesa untuk di diami akan melahirkan masyarakat yang ceria dan sihat. Hal ini sudah tentu akan menyumbangkan kepada kesejahteraan Negara secara amnya. Apabila memperkatakan tentang kesejahteraan hidup, secara ringkasnya kita akan menyentuh kepada tempat di mana kita hidup *(a place to live),* bagaimana kita menyara kehidupan *(means for a living)* dan akhirnya kepada bagaimana kita menikmati kualiti kehidupan *(enjoying the living quality)*.

Oleh yang demikian, Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS) telah disediakan untuk digunapakai dalam perancangan pembangunan minimum 10% kawasan lapang sebagai rujukan dalam usaha menyediakan persekitaran yang kondusif.

Sekian.

(YB DATUK SERI PANGLIMA HASIM PAIJAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP



KATA KATA ALUAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah

Salam Sejahtera,

Landskap memainkan peranan penting dalam usaha mewujudkan persekitaran lestari kepada masyarakat terutamanya dalam pembangunan masa kini yang semakin pesat. Justeru, landskap merupakan satu-satunya medium yang dapat mewujudkan infrastruktur sosial yang sihat.

Menyedari hakikat tersebut, PPPLNS berperanan untuk mengimbangi pembangunan landskap negeri Sabah dengan menitikberatkan aspek perancangan kawasan hijau dengan lebih teliti di samping memberi tumpuan kepada pembangunan ruang landskap yang berfungsi dan mampan.

Menerusi piawaian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkaitan untuk mematuhi prosedur-prosedur Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) termasuklah proses kelulusan pelan landskap bagi memastikan semua projek pembangunan memberi impak yang positif dan mencapai objektif pembangunan yang digariskan.

Sekian.



(YBhg. DATUK HAJAH MASNAH BINTI MATSALLEH)
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP



KATA-KATA ALUAN
Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sabah

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Dengan kepesatan pembangunan hasil daripada kerancakan pertumbuhan ekonomi, ia telah membawa banyak perubahan yang ketara terhadap perancangan pembangunan. Ini termasuklah perancangan pembangunan landskap dalam negeri Sabah. Penyediaan Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS) adalah berdasarkan dasar kerajaan untuk mewujudkan dan memulihara lebih banyak kawasan hijau.

Oleh itu, bagi memastikan pembangunan dapat dilaksana secara menyeluruh, terancang dan mampan, penyediaan PPPLNS bermatlamat sebagai satu usaha untuk mewujudkan bentuk rujukan yang jelas dan kuantitatif kepada PBT di dalam memandu dan mengawal pembangunan landskap seluruh daerah di negeri Sabah, selaras dengan asas piawaian di bawah *Town and Country Planning Ordinance (Sabah Cap 141)*.

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah selaku agensi peneraju perancang dan pembangunan landskap negeri akan sentiasa berusaha untuk menyediakan rujukan, khidmat nasihat, piawaian teknikal berkaitan dengan pembangunan landskap agar dapat menyokong dan mewujudkan pembangunan landskap negeri yang teratur, indah dan berkesan khususnya kepada masyarakat.

Sekian.



(YBrs. TPr. HAJI MURSIDI HAJI SAPIE)
Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sabah

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

Disahkan oleh,



YBrs TPr. HAJI MURSIDI HAJI SAPIE
Pengarah
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sabah

Diterima pakai oleh,



YBhg. DATUK HAJAH MASNAH BINTI MATSALLEH
Setiausaha Tetap
Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah

Menerima dan meluluskan Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS) pada 27hb Mac 2019

Diluluskan oleh,



YB DATUK SERI PANGLIMA HASIM PAIJAN
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

ISI KANDUNGAN **MUKA SURAT**

PERUTUSAN **i**

KATA-KATA ALUAN **ii-iii**

INDEKS **iv**

Senarai Jadual

Senarai Rajah

Senarai Carta

Senarai Lampiran

PENGENALAN **1**

BAHAGIAN 1.0 : KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN PELAN PEMBANGUNAN/ *DEVELOPMENT PLAN* (*DP*) **2-5**

1.1 Definisi Kawasan Lapang
1.2 Lokasi dan Agihan Kawasan Lapang
1.3 Kecerunan Kawasan Lapang
1.4 Ringkasan Keperluan Kawasan Lapang

BAHAGIAN 2.0 : KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN PELAN LANDSKAP/ *LANDSCAPE PLAN (LP)* **6-15**

2.1 Penyerahan Permohonan Pelan Landskap
2.2 Tarikh Serahan dan Tempoh Sah Laku
2.3 Serahan oleh Arkitek Landskap Bertauliah dan Berdaftar
2.4 Format Serahan
  2.4.1 Bilangan Pelan dan Format
  2.4.2 Senarai Semak Serahan Pelan Landskap
  2.4.3 Maklumat dan Keperluan Lain
2.5 Keperluan Komponen Landskap
  2.5.1 Formula Pengiraan Pokok dan Komponen Sokongan
  2.5.2 Kemudahan Rekreasi Minimum bagi Jenis Pembangunan Perumahan
  2.5.3 Alternatif Komponen Rekreasi bagi Jenis Pembangunan Perumahan
  2.5.4 Penyediaan Kemudahan Rekreasi
  2.5.5 Landskap Kawasan Tempat Letak Kenderaan
2.6 Bahan Tanaman
  2.6.1 Jadual Tanaman
  2.6.2 Spesifikasi Tanaman
2.7 Kelulusan untuk Memulakan Kerja-kerja Landskap
  2.7.1 Kelulusan Pelan Landskap (Tanpa Syarat), Kelulusan (Bersyarat) dan Pengubahsuaian

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

BAHAGIAN 3.0	**:KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN SIJIL MENDUDUKI/*OCCUPATION OF CERTIFICATE (O.C*)** 3.1 Sijil Menduduki (*O.C)*	**16-17**
BAHAGIAN 4.0 :	**KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN SERAH TAPAK KAWASAN LANDSKAP /*HAND OVER (H.O)*** 4.1 Syarat Penyerahan Kawasan Landskap	**18-19**
GLOSARI		**20-22**
LAMPIRAN		**23-49**
RUJUKAN		**50**
PENGHARGAAN		

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

INDEKS

Senarai Jadual

Jadual 1.2	:	Jadual Penyediaan Nisbah Agihan Kawasan Lapang Bagi Jenis Pembangunan Perumahan.
Jadual 1.4	:	Jadual Bagi Penyediaan Kawasan Lapang Dan Berlandskap Mengikut Jenis Pembangunan.
Jadual 2.5.1 (a)	:	Keperluan Penanaman Bagi Semua Jenis Pembangunan.
Jadual 2.5.1 (i)		Keperluan Tanaman Bagi Tempat Letak Kenderaan.
Jadual 2.5.1 (b)	:	Contoh Format Jadual Tanaman.
Jadual 2.5.1 (c)	:	Jadual Bagi Spesifikasi Tanaman.
Jadual 2.5.2 (a)	:	Jadual Keperluan Komponen Landskap Untuk Semua Jenis Pembangunan.
Jadual 2.5.2 (i)	:	Jadual Keperluan Kemudahan Rekreasi Minimum Untuk Jenis Pembangunan Perumahan Bagi Kategori Majlis Perbandaran.
Jadual 2.5.2 (ii)	:	Jadual Keperluan Kemudahan Rekreasi Minimum Untuk Jenis Pembangunan Perumahan Bagi Kategori Lembaga Bandaran Dan Majlis Daerah.
Jadual 2.5.2 (iii)	:	Jadual Alternatif Komponen Rekreasi Bagi Kategori Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran Dan Majlis Daerah.
Jadual 2.5.3	:	Jadual Alat Permainan Komponen Utama Dan Komponen Sokongan.

Senarai Carta

Carta 3.1 : Carta alir bagi menunjukkan proses kelulusan pembinaan landskap.

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	:	Carta Alir Proses Permohonan Pelan Pembangunan.
Lampiran 2	:	Skematik Agihan Kawasan Lapang
Lampiran 3	:	Contoh Borang Semakan Bagi Pengemukaan Pelan Pembangunan Bagi Skim Perumahan.
Lampiran 4	:	Contoh Borang Semakan Bagi Pengemukaan Pelan Pembangunan Bagi Selain Skim Perumahan.
Lampiran 5	:	Carta Alir Bagi Proses Permohonan Kelulusan Pelan Landskap.
Lampiran 6	:	Contoh Borang Senarai Semak Bagi Pengemukaan Pelan Landskap.
Lampiran 7	:	Contoh Borang Semakan Pelan Landskap Bagi Skim Perumahan.
Lampiran 8	:	Contoh Kaedah Pengiraan Penyediaan Komponen Landskap.
Lampiran 9	:	Contoh Sijil Pengesahan Oleh SIRIM.
Lampiran 10	:	Contoh Spesifikasi Tanaman.
Lampiran 11	:	Contoh Borang Senarai Semak Serah Tapak
Lampiran 12	:	Contoh Borang Perakuan Siap Kerja (Landskap) Oleh Juruperunding.
Lampiran 13	:	Carta Alir Proses Permohonan Kelulusan Pembinaan Landskap.
Lampiran 14	:	Jadual Alternatif Komponen Rekreasi

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

PENGENALAN

Tujuan

Penyediaan Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS) ini amat penting memandangkan ia adalah usaha untuk mewujudkan satu bentuk rujukan yang jelas dan kuantitatif kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam memandu dan mengawal pembangunan landskap seluruh daerah di negeri Sabah. Iaitu, khas untuk penyediaan keperluan landskap bagi minimum 10% kawasan lapang semua jenis pembangunan.

Sumber kuasa bagi penyediaan piawaian ini adalah berdasarkan kenyataan sepertimana diperuntukkan di bawah *Town and Country Planning Ordinance (Sabah Chapter 141) Part IV Contents and Effects of Approved Schemes Section 18.* Manakala, asas piawaian adalah berdasarkan *Town and Country Planning Ordinance Sabah (Cap. 141)* Seksyen 25 Subseksyen 2 (q) dan Enakmen Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2002.

Piawaian ini meliputi 4 bahagian utama bagi memenuhi keperluan-keperluan dalam penyediaan minimum 10% kawasan lapang iaitu:

BAHAGIAN 1.0 : KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN PELAN PEMBANGUNAN/ *DEVELOPMENT PLAN (DP)*

BAHAGIAN 2.0 : KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN PELAN LANDSKAP/ *LANDSCAPE PLAN (LP)*

BAHAGIAN 3.0 : KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN SIJIL MENDUDUKI / *OCCUPATION OF CERTIFICATE (O.C)*

BAHAGIAN 4.0 : KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN SERAH TAPAK KAWASAN LANDSKAP / *HAND OVER (H.O)*

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

BAHAGIAN 1.0

KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN PELAN PEMBANGUNAN/ *DEVELOPMENT PLAN (DP)*

1.1 Definisi & Keperluan Kawasan Lapang

Kawasan lapang adalah kawasan yang diperuntukkan untuk tujuan rekreasi aktiviti aktif dan pasif termasuk:

1.1.1 Kawasan yang ditafsirkan sebagai kawasan lapang mengikut *Town and Country Planning Ordinance Sabah (Cap. 141)* seperti yang terkandung di dalam Seksyen 25 Subseksyen 2 (q) dan Enakmen Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2002 iaitu bagi kawasan pembangunan yang melebihi 1 (satu) ekar perlu memenuhi syarat keperluan minimum 10% kawasan lapang daripada jumlah keseluruhan kawasan pembangunan. Rujuk Lampiran 1 bagi proses kelulusan Pelan Pembangunan.

1.1.2 Kawasan yang diperuntukkan ini bermaksud berada di permukaan tanah (*land based*) dan kawasan terbuka.

1.1.3 Kawasan lapang juga adalah tidak termasuk atau digabungkan dengan kawasan utiliti dan infrastruktur termasuklah rizab bekalan air/sungai/parit/jalan, laluan kabel voltan tinggi, pencawang elektrik, talian penghantaran (*transmission line),* kawasan tangki air, loji rawatan kumbahan (*sewerage treatment plant)*, struktur kolam tadahan *(detention pond*) *dan* kawasan bercerun/dinding penahan cerun (*retaining wall).* Namun yang demikian kawasan lapang bercerun yang dipertimbangkan adalah tertakluk kepada perkara 1.2.5 dan 1.3.

1.1.4 Bagi pembangunan *landed,* kawasan aras tanah atau mempunyai struktur lantai (*solid groundlevel*) yang terdapat utiliti dan infrastruktur di bawahnya (*underground utility/basement*) adalah tidak diambil kira bagi penyediaan minimum 10% kawasan lapang.

1.1.5 Bagi pembangunan *subsidiary development*, sekiranya pemaju dapat memastikan penyediaan ruang bagi komponen rekreasi dan sokongan dapat dipenuhi, maka ruang bulatan dan bahu jalan boleh diambil kira dalam pengiraan minimum 10% kawasan lapang setelah memenuhi semua kriteria berikut:

a) Menunjukkan sempadan kawasan lapang yang jelas iaitu lot kawasan lapang adalah di luar dari rizab.
b) Isu keselamatan pengguna,
c) Mempunyai kesinambungan rekabentuk kepada kawasan lapang utama menerusi landskap lembut / landskap kejur.
d) Penyediaan ruang penanaman pokok.

1.1.6 Namun yang demikian, bagi pembangunan perumahan jenis *landed,* hanya ruang bulatan jalan dipertimbangkan dalam pengiraan penyediaan

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

minimum 10% kawasan lapang. Namun demikian, masih tertakluk kepada perkara 1.1.5 a) - d).

1.1.7 Manakala, kawasan lapang atas bumbung, podium dan dalam bangunan tertutup adalah tidak termasuk dalam penyediaan minimum 10% kawasan lapang.

1.1.8 Bagi pembangunan melebihi 25 ekar (10 ha.), 3% daripada 10% kawasan lapang boleh dipertimbangkan untuk tujuan kolam takungan sebagai sebahagian daripada komponen rekreasi (contoh komponen rekreasi : *Lake Recreation*) tetapi perlu mengambil kira faktor perletakan kolam takungan seperti yang berikut :

a) Kesesuaian mengikut topografi, mudah akses oleh orang ramai, kawasan yang sesuai dari aspek semulajadi, mengambil kira aras air tadahan *(maximum low/high water level),* tidak mempunyai halangan fizikal kepada akses penyelenggaraan, faktor keselamatan kepada pengguna kawasan lapang;
b) Mampu untuk menakung air selama lima (5) jam sebelum disalurkan ke sungai;
c) Harus bercirikan *wet pond* ;
d) Tidak dibenarkan dibangunkan dengan jenis pembangunan lain dan;
e) Hendaklah bersesuaian dan mempunyai ciri yang ekonomik dari aspek kos penyediaan dan penyelenggaran untuk PBT.

1.2 Lokasi dan Agihan Kawasan Lapang

1.2.1 Lokasi terpencil, di kawasan terkepung dan/atau dibelakang lot perumahan adalah tidak dibenarkan;

1.2.2 Mudah diakses oleh pengguna dan mempunyai jaringan pejalan kaki;

1.2.3 Minimum 6.0m lebar akses untuk perkhidmatan penyelenggaraan;

1.2.4 Menunjukkan lokasi kawasan lapang sedia ada yang berhampiran. Bagi kawasan lapang sedia ada di lot pembangunan bersebelahan, maka kawasan lapang-kawasan lapang tersebut boleh digabungkan;

1.2.5 Lokasi kawasan lapang boleh dipertimbangkan berdasarkan kawasan semulajadi sedia ada. Manakala bagi tanaman sedia ada yang dikekalkan boleh diambilkira dalam kiraan penyediaan landskap lembut. Namun, ianya perlu mengambil kira kesesuaian serta mempunyai ciri yang ekonomik dari aspek kos penyediaan dan penyelenggaran untuk PBT, akses, faktor keselamatan pengguna dan nilai tanaman sedia ada yang bernilai tinggi.

1.2.6 Penyediaan kawasan lapang bagi jenis pembangunan perumahan boleh dipertimbangkan untuk diagihkan mengikut nisbah berdasarkan luas kawasan pembangunan seperti di jadual 1.2.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

Keluasan saiz tanah (ekar)	Luas Penyediaan Kawasan Lapang (ekar)	Jarak (km)	Bilangan Maksimum Pecahan Kawasan Lapang	Nisbah Agihan Kawasan Lapang
(XS) Extra Small Size 1-5 ekar	0.1 – 0.5		1	1
(S) Small Size 5- 15 ekar	0.5 – 1.5	0.0km – 0.5km Lokasi tidak lebih dari 0.5km dari kediaman pengguna.	2	1 7:3
(M) Medium Size 15 ke atas - 50 ekar	1.5 ke atas -5	0.5km – 1.49 km Lokasi tidak lebih dari 1.5km dari kediaman pengguna.	4	7:3 7:2:1 7:1:1:1
(L) Large Size 50 ke atas -200	5 ke atas-20	1.5km – 2.9km Lokasi dalam lingkungan jarak 1.5 km kediaman pengguna	4	5:5 5:4:1 5:3:2 5:2:2:1
(XL) Extra Large Size 200 ke atas - 1000	20 ke atas-100	3.0km – 4.9km Dalam atau berdekatan dengan pusat perkhidmatan atau kejiranan dengan jarak lebih kurang 3 km dari kediaman pengguna.	5	5:5 5:4:1 5:3:2 5:2:2:1 5:2:1:1:1
(XXL) Extra Extra Large Size 1000 ke atas - 2500	100 ke atas-250	5.0km – 9.9km Jarak antara 5 km. hingga 10 km.	6	5:5 5:4:1 5:3:2 5:2:2:1 5:2:1:1:1 5:1:1:1:1:1
2500 ke atas	**250 ke atas**	Tidak lebih satu jam perjalanan berkenderaan.	*Rujuk luas fasa pembangunan dan Pelan Induk Pembangunan.	

Jadual 1.2: Jadual penyediaan nisbah agihan kawasan lapang bagi jenis pembangunan perumahan.

Nota :

a) Rujuk Lampiran 2 bagi skematik agihan kawasan lapang.

b) Penyediaan kawasan lapang bagi pembangunan berkeluasan 5 ekar ke atas disediakan mengikut nisbah agihan adalah mengambil kira faktor seperti yang berikut :

   i) Perancangan kawasan lapang bagi kawasan pembangunan yang luas bagi mengagihkan komponen rekreasi dan kemudahan sokongan secara seimbang dan memberi keselesaan pengguna di kawasan kediaman.

   ii) Agihan kawasan lapang adalah saling berhubung dan boleh diakses seperti laluan pejalan kaki dan koridor hijau.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

1.3 Kecerunan Kawasan Lapang

1.3.1 Kawasan lapang perlu disediakan mengikut kecerunan permukaan tanah yang bersesuaian bagi tujuan penyediaan komponen landskap.

1.3.2 Permukaan tanah perlu bebas dari takungan air atau banjir. Penggunaan sistem *subsoil-drain* adalah digalakkan.

1.4 Ringkasan Keperluan Kawasan Lapang

Jenis Gunatanah Pembangunan *(Landuses)*	**Keperluan Komponen Landskap**	**Penyediaan minimum kawasan lapang**
(a) Perumahan (*Residential)*	• 100% *Land based* • Landskap lembut diwajibkan. • Komponen sokongan diwajibkan. • Kemudahan rekreasi diwajibkan.	Min. 10% daripada luas kawasan pembangunan
(b) Komersil (*Commercial)*	• 100% *Land based* • Landskap lembut diwajibkan. • Komponen sokongan digalakkan. • Kemudahan rekreasi digalakkan.	
(c) Perindustrian (*Industrial)*		
(d) Bangunan Kerajaan/ Kemudahan Awam/ Lain-lain pembangunan *(Government/ Community Facilities/Others)*		

Jadual 1.4 : Jadual bagi penyediaan kawasan lapang dan berlandskap mengikut jenis pembangunan.

Nota:

a) Bagi semua jenis pembangunan, penyediaan minimum 10% kawasan lapang kekal wajib disediakan atas permukaan tanah kecuali sekiranya keadaan topografi fizikal adalah tidak praktikal berdasarkan komen teknikal agensi berkaitan.

b) Tambahan seperti laporan EIA *(Environment Impact Assesment),* ujian tanah (*soil test)* atau lain-lain maklumat yang relevan.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

BAHAGIAN 2.0

KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN PELAN LANDSKAP/ *LANDSCAPE PLAN* (*LP*)

2.1 Penyerahan Permohonan Pelan Landskap

Semua permohonan bagi kelulusan pelan landskap perlu disertakan dengan surat rasmi dari juruperunding tempatan yang mempunyai Arkitek Landskap tempatan bertauliah yang berdaftar dan dikemukakan kepada Presiden / Pegawai Eksekutif PBT.

2.2 Tarikh Serahan dan Tempoh Sah Laku

2.2.1 Pelan Landskap perlu dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Pelan Pembangunan (*DP*) diluluskan.

2.2.2 Kelulusan Pelan Landskap akan luput dan perlu dikemukakan semula dalam keaadan seperti yang berikut ;

(a) Pelan Pembangunan (*DP*) telah luput, atau/dan ;
(b) Perubahan Pelan Pembangunan (*DP amendmend*) ;

2.3 Serahan oleh Arkitek Landskap Bertauliah dan Berdaftar

2.3.1 Semua permohonan kelulusan Pelan Landskap perlu disediakan dan dikemukakan melalui Arkitek Landskap bertauliah yang berdaftar dengan Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) bagi keadaan seperti yang berikut:

a) Semua jenis pembangunan dengan keluasan melebihi 1 ekar (kawasan lapang: minimum 0.1 ekar).
b) Cadangan landskap di atas struktur bangunan.
c) Cadangan pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar termasuklah kawasan pinggir pantai, kawasan berpaya dan kawasan bercerun bukit.

2.3.2 Walaubagaimanapun perkhidmatan juruperunding Landskap bertauliah dari luar negeri Sabah adalah dibenarkan dengan syarat:

a) Membuka cawangan di negeri Sabah, atau;
b) Menggunakan khidmat juruperunding landskap tempatan yang bertauliah untuk mengemukakan permohonan kelulusan pelan, mengawalselia dan akhirnya memohon sijil-sijil yang berkaitan.

2.4 Format Serahan

2.4.1 Bilangan Pelan dan Format

a) Tujuh (7) set salinan pelan landskap yang lengkap berwarna berserta dengan pelan lokasi dan lukisan terperinci (*detailed drawings*);
b) Saiz pelan berukuran A1 atau A2 dikepilkan dan dilipat dengan kemas;
c) Skala pelan dinyatakan dengan jelas dan bersesuaian dengan saiz pelan;

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

d) Menyediakan pelan penjajaran (*setting out plan*) bagi kawasan lapang.
e) Menyediakan lukisan tampak/keratan rentas (*sectional elevations*) bagi menunjukkan aras cadangan kawasan berlandskap.

2.4.2 Senarai Semak Serahan Pelan Landskap

a) Surat pemuka berkenaan permohonan cadangan.
b) Pelan Landskap yang dilipat kemas.
c) Menyertakan 1 salinan Pelan Pembahagian *(Subdivision Plan)* yang telah diluluskan (sekiranya berkenaan).
d) 1 salinan Pelan Pembangunan yang berwarna dan telah diluluskan.
e) Pengesahan (rujukan) kelulusan pelan pembangunan ditunjukkan di dalam Pelan Landskap.
f) Semua pelan dan lukisan perincian ditandatangani oleh juruperunding bertauliah dan berdaftar serta pemilik/pemaju.
g) Semua tandatangan perlu asli.
h) Menyediakan pelan lokasi yang lengkap dan jelas.
i) Pelan-pelan diwarnakan serta dilukis dengan skala yang bersesuaian.
j) Semua pelan ditunjukkan dalam unit metrik.
k) Menyediakan Pelan Pembesaran Kawasan Landskap (*Landscape Enlargement Plan*) sekiranya berkenaan;
l) Menyediakan Jadual Kiraan Pokok, dan Jadual Kiraan Komponen Landskap Kejur;
m) Menyediakan Jadual Tanaman yang termasuk maklumat keluasan kawasan berumput secara terperinci di kawasan lapang dan juga di kawasan-kawasan lain;
n) Menyediakan Jadual Landskap Kejur yang lengkap termasuk luas kawasan turapan;
o) Mewarna saliran perparitan dan menyediakan Jadual Ukuran Panjang dan Lebar Sistem Perparitan secara terperinci;
p) Menyediakan Lukisan Terperinci *(Detailed Drawing)* bagi spesifikasi penanaman landskap lembut dan komponen landskap kejur yang dicadangkan;
q) Bayaran yuran pemprosesan sebanyak RM250.00 kepada PBT dan menyertakan salinan rujukan nombor resit.
r) Penyediaan salinan digital pelan yang dikemukakan.

2.4.3 Maklumat dan Keperluan Lain

a) Menunjukkan cadangan pembangunan landskap bagi fasa yang dibangunkan dan lokasi kawasan lapang sedia ada yang berhampiran;
b) Menunjuk nama ruang/kawasan/bangunan termasuk pembangunan sekitar dengan petunjuk yang lengkap;
c) Menunjukkan aras sedia ada dan aras cadangan, arah larian air dan kecerunan (*gradient*);
d) Menunjukkan garisan sempadan, garis kontur topografi, garisan dinding penahan (*retaining wall*), kawasan lereng bukit, bahu jalan, talian penghantaran (*transmission line)*, akses penyelenggaraan (*service road*), kabel dan struktur utiliti di atas

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

dan di bawah tanah, terowong, kawasan-kawasan rizab, longkang dan parit (termasuk *culvert)*.

e) Gambar keadaan semasa di tapak dan semua tanaman sedia ada yang dikekalkan.

f) Gambar cadangan landskap lembut dan landskap kejur yang dicadangkan.

2.5 Keperluan Komponen Landskap

Bagi tujuan memenuhi keperluan minimum komponen landskap, keperluan dan spesifikasi hendaklah ditunjukkan dalam pelan landskap.

2.5.1 Penanaman Landskap lembut **(*Softscape*)**

a)Kiraan keperluan

Keperluan	Kiraan
Pokok Teduhan	Satu (1) pokok setiap 100m² daripada keluasan minimum 10% kawasan lapang.
Pokok Renek	Digalakkan ditanam mengikut keperluan.
Rumput	Secara *close turf* dan rata di semua permukaan yang tidak berturap.
Nota • Nota umum disertakan dalam pelan landskap lembut. • Landskap untuk kawasan tempat letak kenderaan (t.l.k) dicadang disediakan mengikut jadual 2.5.1 (b).	

Jadual 2.5.1(a): Keperluan penanaman bagi semua jenis pembangunan.

i) Landskap Kawasan Tempat Letak Kenderaan

Keperluan	Kiraan
Pokok teduhan	• Satu (1) setiap tiga (3) petak t.l.k. bersudut 30° - 90° dan petak t.l.k. selari (*parallel parking lot).*
Nota Tiada laluan utiliti dibenarkan dalam ruang tanaman. Keperluan ini tidak diwajibkan bagi : i) t.l.k bertingkat ii) t.l.k bawah tanah iii) petak t.l.k yang berhampiran/bercantum dengan dinding bangunan.	

Jadual 2.5.1(i): Cadangan tanaman bagi tempat letak kenderaan.

b) Jadual Tanaman

Semua pelan landskap lembut perlu menyediakan Jadual Tanaman yang menunjukkan maklumat seperti berikut;

i) Simbol ;

ii) Nama botani (tatacara penamaan botani) & nama tempatan ;

iii) Tinggi bersih dahan tanaman (*Trunk Height – TH*)

iv) Tinggi keseluruhan pokok/tanaman (*Overall height-OH)* ;

v) Diameter batang (Ø minimum), dan ;

vi) Kuantiti atau kelompok (*clump*) atau keluasan penanaman (m²).

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

Simbol / Kategori	Nama Botani	Nama Tempatan	Spesifikasi Tanaman			Kuantiti/ Luas	Jumlah
			OH	*Ø*	*TH*		
Pokok							
Palma							
Pokok Renek							
Penutup Bumi							
Rumput							

Jadual 2.5.1(b) : Contoh format Jadual Tanaman.

c)Spesifikasi Tanaman

Bahan Tanaman	Ketinggian keseluruhan (minimum)	Ø batang (minimum)	Nota
Pokok	2.1 m – 3.0m (berbatang tunggal)	25mm – 75mm (300mm dari pangkal batang)	• Batang utama tegak lurus, berdaun rimbun dan mempunyai sistem percabangan yang baik. • Saiz lubang tanaman bersaiz minimum 1.0m panjang x 1.0m lebar x 1.0m dalam. • Rajah perincian/ spesifikasi tanaman ditunjukkan. • Kaedah penanaman yang betul dan penjagaan pokok yang rapi perlu dititikberatkan bagi menjamin tumbesaran pokok yang lebih stabil.
Bahan Tanaman	**Ketinggian keseluruhan (minimum)**	**Tinggi Batang (minimum)**	
Palma	2.1 m – 3.0m (Palma berbatang tunggal)	1.2m dari pangkal batang *(trunk height)*	
	2.1 m – 3.0m (Palma berkelompok)	750mm dari pangkal batang *(trunk height)*	

Jadual 2.5.1(c) : Jadual bagi spesifikasi tanaman.

Maklumat perincian tambahan bagi rajah spesifikasi tanaman:

i) Jenis dan kaedah pemancangan mengikut kesesuaian tanaman.

ii) Menunjukkan perincian *root barrier u*ntuk semua pokok yang mempunyai jenis akar yang menjalar yang ditanam berhampiran struktur dan laluan pejalan kaki, kabel bawah tanah, longkang dan struktur bangunan.

iii) Menunjukkan perincian tanaman bagi cadangan tanaman dalam struktur kekal atau *solid planter box* (sekiranya berkenaan).

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

2.5.2 Landskap Kejur (*Hardscape*)

a) Kemudahan Komponen Sokongan (*Hardscape*)

Keperluan	Formula	Nota
Pondok rehat	**Kategori Majlis Perbandaran :** Satu (1) setiap 3,500m² dari keluasan kawasan lapang.	-
	Kategori Lembaga Bandaran & Majlis Daerah : Setiap 4,000m² dari keluasan kawasan lapang.	
Laluan Pejalan Kaki/ trek joging	Kelebaran minimum 1.2m.	-
Satu (1) tempat duduk/ mengikut keperluan tapak.	**Kategori Majlis Perbandaran :** Setiap 350m² dari keluasan kawasan lapang.	Jumlah boleh digabungkan melalui reka bentuk yang bersesuaian.
	Kategori Lembaga Bandaran & Majlis Daerah : Setiap 400m² dari keluasan kawasan lapang.	
Satu (1) tong sampah /mengikut keperluan tapak.	Di setiap akses ke kawasan lapang.	Di lokasi yang mudah akses dan berhampiran jalan.
Kekisi Tanaman (*Tree grating*)	Saiz minimum 1.0m x 1.0m atau 1.0m Ø.	Untuk semua pokok yang ditanam pada permukaan yang berturap.
Pagar keselamatan (jika perlu)	Disediakan di sepanjang perimeter kawasan lapang yang bersebelahan dengan jalan raya, cerun, parit atau sungai.	Mengikut perimeter yang diperlukan.
Satu (1) lampu taman /mengikut keperluan tapak.	Setiap 500m² dari keluasan kawasan lapang. (Perletakan mengikut kesesuaian dan keperluan tapak).	Ketinggian keseluruhan minimum 3.0 m (*overall height*)

Jadual 2.5.2 (a) : Jadual keperluan komponen landskap untuk semua jenis pembangunan.

Nota :

i) Semua kemudahan awam yang disediakan mestilah dari jenis yang tahan lasak, tahan cuaca, berkualiti dan tidak membahayakan pengguna.

ii) Penyediaan kawasan berturap dalam kawasan lapang hendaklah mengambil kira bahan binaan mudah resap air.

iii) Penyediaan kawasan berlandskap perlu mengambil kira penyediaan kemudahan OKU.

b) Penyediaan Kemudahan Rekreasi (*Hardscape*)

Keperluan	Formula	Nota
Kemudahan Rekreasi	Kemudahan Rekreasi Minimum bagi Jenis Pembangunan Perumahan	• Rujuk Jadual 2.5.2 (i) bagi kategori Majlis Perbandaran. • Rujuk Jadual 2.5.2 (ii) bagi kategori Lembaga Bandaran & Majlis Daerah. • Rujuk Jadual Alternatif Komponen Rekreasi.

i) Jadual keperluan kemudahan rekreasi minimum.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

Kemudahan-kemudahan rekreasi **minimum** bagi pembangunan perumahan sesebuah, teres, berkembar, *townhouse,* flat, apartment dan kondominium yang berasaskan pertambahan secara pro-rata bagi dua kategori adalah seperti berikut :

- Majlis Perbandaran

	Komponen Rekreasi (Alat Permainan Kanak-kanak)		Komponen Rekreasi (Dewasa)					
	A	B	C	D	E	F	G	H
Komponen / Unit Rumah	Komponen Utama	Komponen Sokongan	Gelanggang Badminton dengan Sepak Takraw (150 m2)	Gelanggang Bola Keranjang (*Half Court*) (338 m2)	Gelanggang Bola Keranjang (*Full Court*) (610m2)	Gelanggang Futsal (1,125m2)	Padang Kecil (2,400m2)	Padang Bola (6,000m2)
15-49	3	1						
50-99	4	2						
100-149	5	3	1					
150-199	6	4	1					
200-299	8	5	1	1				
300-399	10	6	1	1				
400-499	12	7	1	1	1			
500-649	14	8	1	1	1			
650-799	16	9	2	1	1			
800-949	18	10	2	1	1			
950-1099	20	11	1	1	1	1		
1100-1249	22	12	1	1	1	1		
1250-1399	24	13	2	1	1	1		
1400-1599	26	14	2	1	1	1		
1600-1799	28	15	1	1	1	1	1	
1800-1999	30	16	1	1	1	1	1	
2000-2199	32	17	2	1	1	1	1	
2200-2399	34	18	2	1	1	1	1	
2400-2599	36	19	2	2	1	1	1	
2600-2799	38	20	2	2	1	1	1	
2800-2999	40	21	1	1	1	1	1	1
3000-3199	42	22	1	1	1	1	1	1
3200-3399	44	23	2	1	1	1	1	1
3400-3599	46	24	2	1	1	1	1	1
3600-3799	48	25	2	2	1	1	1	1
3800-3999	50	26	2	2	1	1	1	1
4000-4199	52	27	3	2	1	1	1	1
4200-4399	54	28	3	2	1	1	1	1
4400-4599	56	29	3	2	1	1	1	1
PRORATA								

Jadual 2.5.2 (i) : Jadual keperluan kemudahan rekreasi minimum untuk jenis pembangunan perumahan bagi kategori Majlis Perbandaran.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP


- Lembaga Bandaran & Majlis Daerah

	Komponen Rekreasi (Alat Permainan Kanak-kanak)		Komponen Rekreasi (Dewasa)					
	A	B	C	D	E	F	G	H
Komponen / Unit Rumah	Komponen Utama	Komponen Sokongan	Gelanggang Badminton dengan Sepak Takraw (150 m2)	Gelanggang Bola Keranjang (Half Court) (338 m2)	Gelanggang Bola Keranjang (FullCourt) (610m2)	Gelanggang Futsal (1,125m2)	Padang Kecil (2,400m2)	Padang Bola (6,000m2)
15-49	3	1						
50-99	4	2						
100-149	5	3						
150-199	6	4	1					
200-299	7	5	1					
300-399	8	6	1	1				
400-499	9	7	1	1				
500-649	10	8	1	1	1			
650-799	12	9	1	1	1			
800-949	14	10	2	1	1			
950-1099	16	11	2	1	1			
1100-1249	18	12	1	1	1	1		
1250-1399	20	13	1	1	1	1		
1400-1599	22	14	2	1	1	1		
1600-1799	24	15	2	1	1	1		
1800-1999	26	16	1	1	1	1	1	
2000-2199	28	17	1	1	1	1	1	
2200-2399	30	18	2	1	1	1	1	
2400-2599	32	19	2	1	1	1	1	
2600-2799	34	20	2	2	1	1	1	
2800-2999	36	21	2	2	1	1	1	
3000-3199	38	22	1	1	1	1	1	1
3200-3399	40	23	1	1	1	1	1	1
3400-3599	42	24	2	1	1	1	1	1
3600-3799	44	25	2	1	1	1	1	1
3800-3999	46	26	2	2	1	1	1	1
4000-4199	48	27	2	2	1	1	1	1
4200-4399	50	28	3	2	1	1	1	1
4400-4599	52	29	3	2	1	1	1	1
PRORATA								

Jadual 2.5.2 (ii) : Jadual keperluan kemudahan rekreasi minimum untuk jenis pembangunan perumahan bagi kategori Lembaga Bandaran dan Majlis Daerah.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

ii) Jadual Alternatif Komponen Rekreasi bagi Jenis Pembangunan Perumahan untuk Majlis Perbandaran, Lembaga Bandaran & Majlis Daerah.



Jadual 2.5.2 (iii): Jadual alternatif komponen rekreasi bagi semua kategori.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

2.5.3 Penyediaan Kemudahan Rekreasi

a) Cadangan kemudahan rekreasi terbahagi kepada dua iaitu penyediaan kemudahan rekreasi kategori alat permainan kanak-kanak dan kemudahan rekreasi dewasa berdasarkan kepada spesifikasi berikut:

i) Semua kemudahan rekreasi alat permainan kanak-kanak (komponen utama) merupakan jenis *outdoor intergrated/ modular*;

ii) Permukaan lantai di kawasan taman permainan kanak-kanak dan stesen alat senaman menggunakan turapan dari jenis *rubbermat flooring*/EPDM. Jika menggunakan jenis lain, kelulusan daripada PBT perlu diperolehi terlebih dahulu;

iii) Semua kemudahan rekreasi yang dicadangkan diperakui oleh *Scientific & Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) bagi pematuhan Standard Malaysia iaitu meliputi aspek Spesifikasi Bahan Binaan (*Specifications For Materials),* Syarat Keselamatan Umum *(General Safety Requirements)* dan Kaedah Ujian *(Test Methods)* bagi alat permainan jenis *outdoor intergrated/modular* yang dipasang*;*

iv) Surat jaminan pengilang disyorkan diletakkan atas nama PBT;

v) Memastikan tempoh jaminan minimum bagi semua kemudahan rekreasi adalah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun. Namun yang demikian, faktor laku musnah (*vandalisme)* tidak termasuk dalam jaminan.

Contoh Alat Permainan Komponen Utama jenis *Outdoor intergrated/ modular* (Aktif)	**Contoh Alat Permainan Komponen Sokongan** (Di luar daripada *integrated playground*)	**Contoh Komponen Sampingan** (Tidak memerlukan pergerakan aktif)
Slide or eq.	*Swing or eq.*	*Safety rail or eq.*
Sliding tube or eq.	*See saw or eq.*	*Steering wheel or q.*
Rock climbing or eq.	*Isolated tunnel or eq.*	*A-B-C Panel or eq.*
Fireman posts or eq.	*Climber or eq.*	*Buble panel or eq.*
Horizontal ladder oreq.		
Tunnel or eq.		
Net climber or eq.		
Staircase or eq.		
Swing or eq.		

Jadual 2.5.3: Jadual alat permainan komponen utama dan komponen sokongan.

b) Sekiranya perkara 1.2.5 dipertimbangkan, kemudahan komponen landskap yang disediakan hendaklah menyokong rekreasi aktif di kawasan tersebut.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

2.6 Kelulusan untuk Memulakan Kerja-kerja Landskap

2.6.1 Kelulusan Pelan Landskap (Tanpa Syarat), Kelulusan (Bersyarat) dan Pengubahsuaian

Kelulusan kerja-kerja landskap adalah tertakluk kepada perkara berikut:

a) Pihak pemohon dibenarkan untuk memulakan kerja-kerja landskap setelah Kelulusan Pelan Landskap (Tanpa Syarat) diberikan.

b) Sekiranya Kelulusan Pelan Landskap (Bersyarat) diberikan, pihak pemohon perlu mengemukakan pelan pindaan seperti yang disyaratkan surat berkenaan sebelum membuat kerja-kerja pindaan di tapak. Namun pihak pemohon dibenarkan untuk memulakan kerja-kerja landskap di kawasan yang tidak terjejas.

c) Sekiranya mendapat arahan pengubahsuaian, pihak pemohon dikehendaki membuat perubahan ke atas pelan sehingga mendapat kelulusan sebelum memulakan kerja-kerja landskap di tapak.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

BAHAGIAN 3.0

KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN SIJIL MENDUDUKI/ *OCCUPATION OF CERTIFICATE* (O.C.)

3.1 Sijil Menduduki (*O.C.*)

3.1.1 Pihak pemohon perlu memaklumkan kepada PBT secara bertulis setelah kerja-kerja landskap dilaksana dengan sempurna. Satu lawatan pemeriksaan tapak bersama-sama pihak pemohon akan diadakan untuk tujuan pemeriksaan.

3.1.2 Sekiranya didapati kerja-kerja landskap tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, pemohon dikehendaki untuk memperbaiki kerja-kerja di tapak.

3.1.3 Arkitek Landskap bertauliah dan berdaftar yang dilantik pemohon akan mengeluarkan Borang Perakuan Siap Kerja (Landskap) kepada pemaju selepas kerja-kerja landskap disiapkan berdasarkan pelan landskap yang diluluskan.

3.1.4 Sijil Kelulusan Pembinaan Landskap Tetap *(Permanent Certificate Of Landscape)* yang dikeluarkan oleh Unit/Bahagian/Jabatan Landskap PBT boleh dipohon sekurang-kurangnya 6 bulan selepas Borang Perakuan Siap Kerja (Landskap) dikeluarkan oleh Arkitek Landskap berdaftar.

3.1.5 Sijil Kelulusan Pembinaan Landskap Tetap tersebut akan digunakan untuk proses mendapatkan Sijil Menduduki *(O.C*).


3.1.6 Pemohon hendaklah melantik kontraktor berkelayakan atau syarikat yang mengusahakan nurseri landskap yang mempunyai latar belakang penyelenggaraan landskap bagi tujuan penyelenggaraan landskap di kawasan tersebut di sepanjang 12 bulan Tempoh Tanggungan Kecacatan *(Defect Liability Period)/*Tempoh Penyelenggaraan Landskap *(Landscape Maintenance Period)* atau sehingga Sijil Menduduki (*O.C*) dikeluarkan.

3.1.7 Penyelenggaraan landskap adalah di bawah tanggungjawab pemohon yang memiliki pengurusan sendiri (*Management Corporation*).

3.1.8 Sijil Kelulusan Pembinaan Landskap Tetap dikeluarkan oleh Unit/Bahagian/Jabatan Landskap PBT dan Sijil Menduduki (*O.C*) dikeluarkan oleh Presiden/Pegawai Eksekutif PBT.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

Carta Alir Bagi Menunjukkan Proses Kelulusan Pembinaan Landskap



Carta 3.1 :Carta alir bagi menunjukkan proses kelulusan pembinaan landskap.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

BAHAGIAN 4.0

KEPERLUAN-KEPERLUAN DI DALAM KELULUSAN SERAH TAPAK KAWASAN LANDSKAP / *HAND OVER (H.O)*

4.1 Syarat Penyerahan Kawasan Landskap

4.1.1 Pihak pemohon dikehendaki menyelenggara komponen landskap lembut dan komponen landskap kejur dalam tempoh masa dua belas (12) bulan selepas Sijil Menduduki dikeluarkan.

4.1.2 Pihak PBT hanya akan mengambil alih kerja-kerja penyelenggaraan taman atau kawasan lapang setelah PBT berpuas hati dengan kualiti penyelenggaraan di tapak.

4.1.3 Antara kriteria yang dipertimbangkan adalah seperti berikut;

a) Komponen Landskap Lembut :

i) <u>Pokok-Pokok</u>

- Bilangan tanaman dan spesis adalah sama seperti dalam pelan diluluskan.
- Kesemua tanaman dalam keadaan sihat dan subur.
- Kesemua tanaman telah diselenggara dengan sempurna.

ii) <u>Kawasan Berumput / Penutup Bumi</u>

- Rumput telah tumbuh sepenuhnya dan tiada permukaan tanah yang terdedah.
- Rumput dipotong dengan kemas dan sisa dibersihkan dari kawasan.
- Kawasan tersebut bebas dari rumpai dan semak-samun.

b) Komponen Rekreasi:

i) Semua peralatan taman menepati jenis, bilangan dan spesifikasi yang telah diluluskan serta berada dalam keadaan baik.

ii) Membekalkan surat jaminan (*warranty)*, alamat pembekal, katalog dan manual S*tandard Operation Procedure* bagi alat permainan kanak-kanak/alat senaman kecergasan kepada Ketua Unit/Bahagian/Jabatan Landskap PBT.

iii) Salinan sijil pengesahan oleh *Scientific & Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) bagi pematuhan Standard Malaysia iaitu meliputi aspek Spesifikasi Bahan Binaan (*Specifications For Materials),* Syarat keselamatan Umum *(General Safety Requirements)* dan Kaedah Ujian *(Test Methods)* bagi alat permainan jenis *outdoor intergrated/modular* yang dipasang.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

c) Slip Persembahan dan *Memorandum of Transfer (M.O.T)*

i) Pemohon mengemukakan satu salinan Slip Persembahan (*Presentation Slip*) yang dikeluarkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah kepada Unit/Bahagian/Jabatan Landskap PBT untuk rujukan proses pindah hakmilik.

ii) Mengemukakan satu salinan *Memorandum of Transfer* yang lengkap ditandatangani kepada Unit/Bahagian/Jabatan Landskap PBT.

d) Lain-Lain

i) Semua kawasan bersih dari benda asing seperti kayu-kayan, batu-batan, sampah sarap atau sisa bahan binaan (termasuk dalam longkang dan kawasan persekitaran).

ii) Tanaman dan struktur landskap tidak membahayakan keselamatan awam.

iii) Parit bersih dari sebarang halangan, selut, pasir, kayu-kayan, batu-batan, sampah-sarap atau sisa binaan dan memastikan ianya tidak tersumbat.

iv) Tiada takungan air berlaku di dalam kawasan lapang.

4.1.4 Penerimaan kawasan lapang dan penyelenggaraan komponen landskap oleh pihak PBT akan bermula secara rasmi berkuatkuasa pada tarikh surat Serah Tapak dikeluarkan.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP

GLOSARI

Arkitek Landskap Bertauliah dan Berdaftar	Arkitek Landskap bertauliah yang berdaftar secara sah sebagai Ahli Korporat dengan Institut Arkitek Landskap Malaysia.
Bulatan	Sejenis persimpangan jalan yang mana lalu lintas memasuki satu aliran yang sehala sekitar satu pulau tengah. Ia berfungsi untuk melancarkan aliran lalu lintas di jalan raya sama ada satu lorong atau beberapa lorong.
Bahu Jalan	Bahu jalan merupakan kawasan rizab jalan di tepi sesebuah jalan raya. Secara amnya ia dikosongkan daripada sebarang jenis kenderaan; namun demikian, sekiranya berlaku kecemasan ataupun kerosakan kenderaan, pemandu boleh beralih ke bahu jalan untuk keluar daripada aliran trafik dengan selamat.
DP	Pelan Pembangunan (*Development Plan*)
EPDM	*Ethylene Propylene Diene Monomer* , sejenis getah sintetik.
Galak	Dorongan, sangat baik diamalkan, tidak menjadi kesalahan jika tidak dilaksanakan.
Industri	Termasuklah bangunan bengkel, gudang, depo, kilang dan apa-apa bangunan yang di zon atas guna tanah industri.
ILAM	*Institute of Landscape Architects Malaysia* (Institut Arkitek Landskap Malaysia)
Institusi kerajaan	Termasuklah sekolah, institut pendidikan, institut latihan, hospital dan rumah ibadat yang dimiliki dan diuruskan oleh pihak kerajaan dan pihak berkanun.
Institusi swasta	Termasuklah sekolah, institut pendidikan, institut latihan, hospital dan rumah ibadat yang dimiliki dan diuruskan oleh pihak individu atau swasta.
Kawasan lapang	Rujuk definisi kawasan lapang (1.1).
Kawasan berturap	Tempat yang bersalut atau berlapis dengan sesuatu yang ditampalkan.
Kiraan Pokok	Formula kiraan bagi penyediaan pokok teduhan mengikut jenis pembangunan.
Kiraan Komponen Landskap Kejur	Formula kiraan bagi penyediaan peralatan taman dan kemudahan rekreasi mengikut jenis pembangunan.
Km	Ukuran jarak, kilometer
Komersial	Termasuklah bangunan kedai, ruang pameran, pejabat perniagaan, galeri, hotel, motel, *service apartment* dan apa-apa bangunan yang dizon atas gunatanah komersial.
Komponen Alat Permainan Aktiviti Utama	Merujuk kepada set alat permainan *Intergrated Playground*.
Komponen Landskap	Komponen landskap merujuk kepada elemen yang merangkumi landskap kejur dan landskap lembut.
Komponen Sokongan	Komponen peralatan mainan sesebuah seperti jongkang-jongket, buaian dan alat senaman (*outdoor gym equipment*).
Komponen Sampingan	Komponen aksesori yang terdapat pada peralatan modular yang tidak memerlukan aktiviti riadah aktif.

Muat Turun Dari Laman Web Rasmi KKTP


Landskap Kejur	Komponen landskap yang terdiri dari struktur binaan termasuk kerja-kerja tanah, elemen air pancuran, pondok rehat, titian, tempat duduk, turapan, dekorasi atau perabot taman, struktur seni, monumen, sistem pengairan dan pencahayaan dan lain-lain.
Landskap Lembut	Komponen landskap yang terdiri dari tumbuhan seperti pokok, palma, renek, tumbuhan memanjat atau menjalar dan penutup bumi.
Lukisan Terperinci	Lukisan komponen landskap kejur dan landskap lembut yang menunjukkan maklumat yang lengkap seperti reka bentuk, kaedah pembinaan, ukuran, perincian dan kemasan bagi setiap elemen.
m	Meter, Ukuran panjang dalam unit metrik , contoh 5.0m
Management Corporation	Syarikat yang ditubuhkan di bawah *Akta Hakmilik Strata 1985* bagi mengurus kawasan yang dibangunkan tersebut.
O.K.U.	Orang Kurang Upaya.
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan.
Pelan Pembangunan	*Development Plan (DP)*
Pelan Induk Landskap (PIL)	Lukisan teknikal yang menunjukkan susun atur dan reka bentuk item-item landskap kejur dan landskap lembut secara umum yang menunjukkan fasa, aktiviti, skim penanaman, *linkages* dan termasuklah menunjukkan kawasan terperinci dengan skala yang lebih besar.
Pelan Landskap	Lukisan teknikal yang menunjukkan susun atur dan reka bentuk item-item landskap kejur dan landskap lembut dengan terperinci, jadual tanaman, berukuran serta mengandungi maklumat-maklumat lain bagi membantu pereka membuat sebarang pertimbangan di dalam kerja-kerja reka bentuk.
Pelan Penjajaran	Lukisan profesional yang menunjukkan susun atur tapak atau perletakkan dengan ukuran yang tepat yang berasaskan kepada sekurang-kurangnya dua (2) titik rujukan.
Pelan Pindaan	Pelan landskap yang menunjukkan pindaan ke atas susun atur dan reka bentuk item-item landskap kejur dan landskap lembut yang dipinda serta maklumat lain bagi membantu pereka membuat sebarang pertimbangan di dalam kerja-kerja reka bentuk.
